

PENGARUH SITUASI KERJA DAN GERAK BALAS
TERHADAP STRES DI KALANGAN PENGETUA
DI DAERAH KUALA KANGSAR :
SATU TINJAUAN

MOHD. YUSOF BIN DIN

KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006



Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

18 MEI 2006

MOHD YUSOF BIN DIN
M20041000093



PERHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadhrat Ilahi kerana dengan izinnya projek penyelidikan ini dapat di sempurnakan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Nazirmudin bin Ahmad selaku penyelia projek ini di atas segala bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta teguran yang bermakna sepanjang menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Omar Abdul Karim, Profesor Osman Rani, Encik Jamal @ Nordin dan Encik Ibrahim bin Tambi Chik yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar selama pengajian 2004-2006.

Penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga serta teristimewa buat Ibu Che Yun bt. Karim, Ibu mertua Hajah Hamidah bt. Ahmad, Bapa mertua Haji Biduan bin Haji Mansor, Adik-adik ipar yang dikasihi iaitu Amir bin Haji Biduan dan Suzairani bt. Haji Biduan yang telah menjaga putera-puteri saya sepanjang pengajian ini semoga Allah jua yang dapat membalas budi-baik itu.

Seterusnya, tidak dilupakan orang yang memberi perangsang dan semangat dalam mengejar cita-cita murni ini iaitu isteri tercinta Zarina bt. Haji Biduan.

Penghargaan juga dihulurkan kepada rakan-rakan sekuliah yang memberi kerjasama dan bantuan ketika menimba ilmu di UPSI. Terima kasih kepada Pengetua S.M.K. Sayong, Kuala Kangsar yang sentiasa memberi dorongan serta sokongan agar berjaya dalam pengajian. Terima kasih kepada seluruh kakitangan PASCA yang sentiasa memberi kerjasama selama pengajian di sini.

Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Perak, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua pengetua di daerah Kuala Kangsar yang memberi kerjasama dalam mendapatkan data untuk kajian.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung semoga Allah dapat membalas jasa mereka. Semoga usaha menghasilkan kajian ini mendapat keberkatan Allah.

Sekian, wasalam.

MOHD. YUSOF BIN DIN
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim,
Perak.



ABSTRAK

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti pengaruh situasi kerja dan gerak balasnya terhadap stres di kalangan pengetua di Daerah Kuala Kangsar. Soal selidik yang diubah suai daripada Gmelch dan Swent (Administrative Stress Index dan Coping Stress Preference) telah digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu faktor demografi (pemboleh ubah bebas), faktor situasi kerja (pemboleh ubah bersandar) dan tindak balas terhadap stres (pemboleh ubah bersandar). Seramai 20 orang pengetua di Daerah Kuala Kangsar telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Sebanyak lima soalan kajian telah ditimbulkan dan sepuluh hipotesis telah dibentuk. Hipotesis ini telah diuji menggunakan Ujian *t*, ANOVA Satu Hala dan Korelasi *Pearson*. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor situasi kerja mempengaruhi stres pengetua-pengetua di Dearah Kuala Kangsar.





ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the effect of job situation and it's response towards principal stress in the district of Kuala Kangsar. The instrument used in this study was a questionnaire adopted from the Gmelch and Swent (Administrative Stress Index –ASI and Coping Preference Scale-CPS). This questionnaire was divided into three sections, that is demography factors (independent variables), job situational factors (dependent variables) and responses towards stress (dependent variables). Twenty principals from the district of Kuala Kangsar were chosen as samples for this study. Five questions were brought out and ten hypothesis were built and tested using t-test, ANOVA and Pearson Correlation. The result of this study showed that job situational factors had put an effect on the principal's stress.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
 BAB 1	
Pengenalan	
1.1 Latar belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	14
1.3 Objektif Umum Kajian	17
1.4 Objektif Khusus	18
1.5 Soalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.8 Batasan Kajian	22
1.9 Definisi Operasional	22
 BAB 2	
Tinjauan Literatur	
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Kajian Dalam Negara	26
2.3 Kajian Luar Negara	27
2.4 Rumusan	31



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.3	Reka bentuk Kajian	35
3.4	Instrumen, Kesahihan dan Kebolehpercayaan	36
3.5	Rumusan	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Statistik Deskriptif	42
4.3	Dapatan Kajian	45
4.4	Rumusan	62

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	64
5.2	Dapatan Kajian dan Perbincangan	64
5.3	Implikasi Kajian	69
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	70
5.5	Rumusan	71
	BIBLIOGRAFI	73





SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
3.1	Bilangan Item Mengikut Faktor Gerak Balas	38
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jawatan	42
4.2	Statistik Bilangan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	42
4.3	Bilangan Responden Mengikut Jantina	43
4.4	Bilangan Responden Mengikut Keturunan/Bangsa	43
4.5	Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	44
4.6	Bilangan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi	44
4.7	Bilangan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	45
4.8	Faktor Stres Mengikut Urutan Keutamaan	46
4.9	Hubungan Antara Situasi Kerja Dengan Tahap Stres Pengetua	47
4.10	Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Keutamaan	48
4.11	Faktor Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Jantina	49
4.12	Ujian t Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Jantina	50
4.13	Faktor Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Lokasi Sekolah	51
4.14	Ujian t Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Lokasi Sekolah	51
4.15	Faktor Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Keturunan/Bangsa	52
4.16	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Faktor Situasi Kerja Terhadap Stres Pengetua Mengikut Keturunan/Bangsa	53
4.17	Ujian t Tahap Stres Pengetua Mengikut Jantina	53





4.18	Ujian t Tahap Stres Pengetua Mengikut Lokasi Sekolah	54
4.19	Skor Min Tahap Stres Bagi Pengetua Mengikut Bangsa	55
4.20	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Stres Pengetua Mengikut Keturunan/Bangsa	56
4.21	Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Jantina	57
4.22	Ujian t Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Lokasi Sekolah	58
4.23	Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Lokasi Sekolah	58
4.24	Ujian t Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Lokasi Sekolah	59
4.25	Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Keturunan/Bangsa	60
4.26	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Gerak Balas Pengetua Terhadap Stres Mengikut Keturunan/Bangsa	61





SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

3.1

Kerangka Konseptual Kajian

35



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar belakang Kajian

Pengetua merupakan tenaga penggerak utama di sekolah, di samping itu mereka juga adalah pentadbir dan pemimpin. Tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan adalah berat berbanding guru-guru biasa. Di dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah diatur dalam bentuk piramid, pengetua merupakan kakitangan terpenting di peringkat sekolah kerana peranannya sebagai pemimpin dan pengurus sekolah (Abdullah Sani Yahaya,2003). Perubahan dari segi falsafah dan kandungan kurikulum pendidikan yang bermula dengan pelaksanaan KBSR (1983) dan KBSM (1988) memerlukan pentadbir sekolah yang bersedia menghadapi cabaran dalam pengurusan kurikulum, ko-kurikulum dan sahsiah pelajar bagi merealisasikan aspirasi pendidikan negara. Seseorang pengetua harus mengetahui segala hal ehwal sekolah, hal ehwal pelajar, kebajikan pelajar, guru-guru, staf sokongan, menjadi seorang yang dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh subordinat. Tidak dapat dinafikan bahawa reformasi sekolah dan organisasi pendidikan pada abad ini amat bergantung pada

kecekapan pengurusan sekolah (Abd. Rahim Abd Rashid , 2005). Seterusnya, pengetua juga seringkali diharapkan menjadi pemimpin setempat yang dapat menyelesaikan masalah masyarakat. Bahkan menurut Campbell,et.al.(1983) bahawa adalah tanggungjawab pengetua untuk mewujudkan serta mengekalkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran. Ini membuktikan betapa beratnya tugas seorang pengetua dalam menjayakan misi dan visi pendidikan negara lebih-lebih lagi di alaf baru ini.

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2005), terdapat berbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidik pada zaman kemajuan teknologi maklumat, globalisasi, revolusi pengetahuan, revolusi pengurusan, k-ekonomi dan sebagainya. Pengurusan pendidikan memerlukan perubahan 'mindset', sikap dan nilai, pengetahuan dan kemahiran serta kualiti profesionalisme untuk menjadi tenaga penggerak ke arah pembangunan manusia, menjadi perintis terhadap perubahan sosial, menjadi pelaksana dasar-dasar baharu dan bertanggungjawab bagi merealisasikan matlamat dan kehendak negara.

Sektor pendidikan mempunyai kepentingan yang amat luas kepada pembangunan negara. Ini menjadikan profesion keguruan terpaksa menghadapi cabaran bagi melaksanakan dan menentukan matlamat-matlamat negara dapat dicapai dengan lebih berkesan. Peranan pendidikan dalam bidang sosial melibatkan penyusunan semula masyarakat melalui pendidikan dan penstrukturan ekonomi, perubahan struktur sumber manusia, menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, mewujudkan peluang pekerjaan yang dinamik, meningkatkan pemodenan, menggalakkan mobiliti sosial dan mempercepatkan tranformasi masyarakat daripada pertanian kepada masyarakat industri, daripada masyarakat informasi maklumat kepada masyarakat siber. Pendidikan juga



merupakan asas kepada penyatuan kaum dan perpaduan nasional. Integrasi kaum perlu dipupuk melalui pendidikan dan persekolahan. Pendidikan harus memainkan peranan untuk mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya.

Dasar Pembangunan Negara (DPN) menekankan pembangunan mapan yang memerlukan peranan pendidikan untuk mendidik dan membentuk generasi muda berperanan aktif mencorakkan kemajuan negara. Pembangunan mapan juga bergantung pada pengetahuan, teknologi, pengurusan dan strategi menangani krisis dalam pembangunan. Pendidikan perlu menanamkan semangat jati diri dan patriotik dalam bidang ekonomi supaya perjuangan meningkatkan kemajuan dan kekayaan akan lebih adil dan saksama.

Seterusnya, Wawasan 2020 yang telah menggariskan sembilan cabaran dalam pembinaan masyarakat Malaysia merupakan suatu cabaran dalam profesion pendidikan yang mempunyai tanggungjawab besar dalam menentukan perubahan dinamik ini akan berlaku melalui peranan pendidikan dan peranan guru dalam masyarakat Malaysia yang sedang menuju ke era perubahan sosial dan budaya bangsa. Ini selaras dengan peranan penting pendidikan dalam pembinaan dan perubahan masyarakat. Sembilan cabaran yang digariskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat Tun Dr. Mahathir bin Mohamed iaitu:

- i. membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu
- ii. membentuk masyarakat Malaysia yang maju, liberal dan selamat
- iii. mewujudkan masyarakat demokrasi yang matang
- iv. membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika





- v. membina masyarakat yang matang, liberal dan toleransi
- vi. membina masyarakat yang saintifik dan progresif
- vii. membentuk masyarakat yang penyayang
- viii. membentuk masyarakat yang adil dari segi ekonomi
- ix. membentuk masyarakat yang makmur dan berdaya maju.

Selanjutnya untuk mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi kerajaan telah merangka Dasar Sains Negara melalui pendidikan iaitu 60 peratus aliran sains. Ini bermakna 60 peratus pelajar di sekolah adalah terdiri daripada pelajar aliran sains yang akan menerajui pembangunan sains dan teknologi pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, cabaran penting yang dihadapi oleh sekolah ialah setakat manakah mereka berjaya membentuk dan melahirkan ahli-ahli sains? Adakah corak pembelajaran, kurikulum dan latihan yang diberi disekolah mampu melahirkan ahli sains? (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005).

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang mula dilaksanakan pada tahun 2003 kepada pelajar tahun satu, tingkatan satu dan tingkatan enam rendah. Dasar ini telah memberikan satu cabaran kepada guru dan pengetua serta guru besar selaku pengurus kurikulum di sekolah untuk memastikan dasar ini terlaksana dengan jayanya. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2005), terdapat beberapa cabaran untuk melaksanakan dasar ini iaitu:

- i. kebanyakan guru kurang fasih menggunakan bahasa Inggeris dan ini akan menimbulkan masalah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.



- ii. guru akan berfikir dalam bahasa Melayu dan kemudian terjemahkan dalam bahasa Inggeris.
- iii. guru dilatih dalam bahasa Melayu kebanyakannya tidak fasih bahasa Inggeris dan akan menjejaskan kualiti pengajaran.
- iv. Wujud jurang kefasihan antara pelajar di luar bandar dengan pelajar di bandar.

Apatah lagi dasar ini sentiasa dipantau oleh Kementerian Pelajaran dengan menghantar borang untuk diisi dan pemantauan ke sekolah dari semasa ke semasa berkaitan pelaksanaan PPSMI (Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris). Walaubagaimanapun dasar ini telah mewujudkan situasi kerja dalam aspek kurikulum yang perlu dipantau oleh pengetua sepanjang masa demi memastikan kejayaan dari segi pelaksanaan dan prestasi dalam peperiksaan awam (UPSR,PMR,SPM dan STPM).

Walau bagaimanapun, guru dan pengetua perlu bersikap positif dan bersedia menerima perubahan ini sebagai suatu cabaran yang mesti dilaksanakan dengan jayanya. Latihan dan kursus akan sentiasa diberi untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Seterusnya, satu lagi dasar yang melibatkan profesion pendidikan iaitu Dasar Pembangunan Sumber manusia dalam rancangan Malaysia ketujuh (RMT) yang mengutamakan pengeluaran sumber tenaga manusia yang dapat mendukung kemajuan dan perubahan yang ingin dicapai oleh Malaysia. Rancangan Malaysia ketujuh bertujuan mengeluarkan tenaga mahir yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan

manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, memiliki nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik (Malaysia, 1996: 340-42).

Dasar Tindakan Affirmatif adalah dasar yang bertujuan menangani masalah keadilan sosial melalui pendekatan dasar pendidikan. Dasar ini diterjemahkan dalam bentuk rancangan khas, bantuan, insentif, sistem kuota dan sebagainya terutama bagi murid-murid yang datang daripada latar belakang sosio-ekonomi rendah, mundur dan ketinggalan. Dasar Tindakan Affirmatif ini amat penting difahami, dilaksanakan dan mendapat sokongan kuat profesion keguruan. Peranan guru untuk meningkatkan nasib golongan miskin adalah satu usaha murni dan amat mencabar kerana usaha ini menuntut kesedaran dan pengorbanan guru untuk mencurahkan jasa bakti mereka kepada golongan ini dengan jujur, ikhlas dan dedikasi. Guru perlu menjadi arkitek sosial dan meningkatkan peranannya bagi melaksanakan dasar yang berbentuk “ sosial engineering” ini untuk membantu menangani masalah kemiskinan dan kemunduran yang berlaku dalam masyarakat membangun (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005).

Seterusnya, dasar pendidikan yang terkini menekankan kepada Dasar Jaminan Kualiti (Quality Assurance Policy) yang perlu dilaksanakan dalam pengurusan pendidikan. Dasar kerajaan Malaysia ialah menjadikan negara pusat kecemerlangan pendidikan yang bertaraf dunia. Dasar ini bukan sahaja melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta tetapi melibatkan institusi pendidikan lain seperti maktab, kolej dan sekolah. Usaha bagi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan memberikan cabaran penting kepada profesion keguruan kerana guru-guru dan tenaga penganjar di semua peringkat perlu memikul tanggungjawab



ini untuk menjayakan dasar tersebut (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005). Dasar Jaminan Kualiti ini memberi penekanan atau fokus kepada aspek-aspek berikut:

- i. kualiti staf / guru
- ii. kualiti infrastruktur
- iii. kualiti persekitaran sekolah
- iv. kualiti kurikulum
- v. kualiti pengajaran
- vi. kualiti penilaian
- vii. kualiti pengurusan

Dasar Jaminan Kualiti bertujuan bagi meningkatkan kecekapan sekolah sebagai institusi pendidikan dan institusi sosial dari segi memberikan pendidikan, latihan dan peluang baharu kepada generasi muda di luar bandar. Produktiviti yang rendah di sekolah mencerminkan ketidakcekapan sekolah dari segi fungsi dan peranannya dalam masyarakat. Matlamat-matlamat sekolah dan matlamat pendidikan perlu selari terutama dalam meningkatkan kualiti akademik, kualiti sosial dan moral serta kualiti personal pelajar. Pelaburan yang dicurahkan tidak mungkin memberikan faedah dan hasil yang memuaskan sekiranya sekolah tidak cekap dari segi menentukan jaminan kualiti (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005).

Berdasarkan perbincangan terhadap beberapa dasar kerajaan yang wajib dipikul dan dilaksanakan di sekolah maka pengetua selaku pengurus perlulah bersedia mental dan fizikal untuk menjayakannya. Dasar-dasar tersebut perlu diterjemahkan oleh pengetua dengan meningkatkan komitmen guru-guru, pelajar dan masyarakat sekitar





supaya semua dasar yang dilancarkan terlaksana. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa sebagai seorang pengetua yang memikul tanggungjawab yang berat dengan berbagai dasar dan program yang perlu dilaksanakan, mereka sedikit sebanyak terdedah kepada fenomena stres dalam pengurusan akibat daripada situasi kerja yang semakin kompleks dan rencam.

Jelaslah bahawa dunia pendidikan penuh cabaran dan pengetua selalu menghadapi kerencaman tugas yang banyak, kompleks dan berterusan. Menurut Morris et.al. (1984), pengetua dan guru besar hari ini telah menjadi tumpuan tuntutan pelbagai pihak atasan, subordinat serta komuniti sekelilingnya, yang mana tumpuan desakan oleh seluruh sistem sosial. Situasi ini akan mengenakan atau mewujudkan stres di kalangan pengetua. Jika di ambil peranan pengetua dan guru besar sebagai pemimpin, pentadbir, pengurus, penyelia dan pendidik, adalah jelas kekompleksan bebanan tugas dan merupakan fungsi-fungsi yang mencabar, penuh akauntabiliti dan mampu mewujudkan stres.

Menurut Judy Reinhartz & Don M. Beach (2004), selain mempunyai personaliti yang baik, pengetua perlu mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang lebih tentang tugas yang di amanahkan kepadanya supaya sentiasa bersedia dan berinisiatif, berwibawa, berketrampilan supaya dapat menjadi pemimpin pendidik dalam erti kata yang sebenar yang dihormati dan disanjung tinggi. Seterusnya, masyarakat juga meletakkan harapan yang tinggi kepada pengetua selaku pemimpin pendidikan agar anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya dan menjadi seseorang yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta berguna kepada masyarakat seperti mana matlamat yang hendak dicapai dalam Falsafah Pendidikan Negara.





Menurut Jones (1968) pada umumnya bersetuju bahawa pengetua dan guru besar adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan program pendidikan di peringkat sekolah dan seterusnya terhadap pencapaian objektif pendidikan kerana keupayaannya membimbing dan pengaruhnya ke atas guru dan pelajar dalam sekolah. Malahan menurut Basset et.al. (1974), mendapati pengetua mempunyai pengaruh yang sangat kuat ke atas pelajar sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui hubungannya dengan guru. Maka dalam konteks ini peranan yang dimainkan oleh pengetua adalah sangat penting untuk meningkatkan kualiti pengurusan kurikulum di sekolah.

Menurut Milestein dan Farkas (1988), telah menggambarkan pengetua sebagai seorang yang sentiasa terburu-buru, dibebani tugas 'ad hoc' dan penuh dengan kepelbagaian tugas dan peranan, serta sentiasa perlu pro-aktif dan memberi tindak balas yang cepat supaya dapat mempengaruhi proses perancangan, pemikiran dan pelaksanaan.

Menurut Clarke (1985), beberapa kesan jangka panjang akibat stres ialah hilangnya keinginan dan minat untuk membuat sesuatu yang baru dan mencabar, marah, kecewa, tiada kepuasan kerja serta mempunyai kadar toleransi dan produktiviti yang rendah. Dari aspek tingkah laku pula memperlihatkan tindakan yang tidak rasional, kesukaran menyelesaikan masalah atau membuat keputusan dan hubungan interpersonal yang buruk. Kesan negatif terhadap organisasi dapat ditinjau dari hubungan pihak pentadbiran sekolah dengan komuniti dan agensi luar yang kurang baik, mudah mendapat kemalangan ditempat kerja, suka ponteng, kualiti kerja yang rendah dan seringkali bersikap antagonis. Tanpa sebarang kawalan dan langkah untuk mengatasi stres dan akibatnya akan membawa kepada penurunan berterusan prestasi kerja seseorang pemimpin atau pentadbir sekolah. Menurut Hellriegel dan Slocum (1993), stres dapat





menimbulkan empat bentuk kesan negatif iaitu fisiologi, psikologi, tingkah laku dan organisasi.

Menurut Ellison (1990), telah mengemukakan perhubungan di antara stres dengan prestasi. Menurut beliau, kejayaan untuk mengawal stres bergantung kepada kebolehan seseorang itu bertindak dan mengenali kedudukan individu dalam kontinum stres prestasi ini. Sementara stres yang sihat dapat memperbaiki prestasi melalui pemupukan cabaran pada diri seseorang, sebaliknya stres yang keterlaluan akan hanya menimbulkan keresahan. Lantas stres ini akan menjurus kepada kurangnya keberkesanan dan produktiviti kerja seseorang. Di peringkat ekstrimnya ia akan membawa kepada masalah 'burn out'.

Beban tugas dan tanggungjawab pengetua diperjelaskan lagi melalui satu kajian yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Guru pada tahun 1987 menyatakan beberapa masalah yang dihadapi oleh pentadbir sekolah khususnya pengetua dan guru besar iaitu:-

- i. Kekerapan diarah mengisi borang-borang oleh pihak pegawai atasan Kementerian Pelajaran dan ia berlaku secara berulang-ulang (kerap).
- ii. Tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah kerap kali terganggu kerana melayan kehadiran pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran / Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah, ibu bapa / penjaga dan jurujual-jurujual.
- iii. Pengetua memberi banyak masa untuk koresponden atau berhubung dengan pihak luar sekolah atas perkara berkaitan pengurusan sekolah.





- iv. Pengetua selalu diminta hadir mesyuarat dan majlis tertentu yang dianjurkan oleh masyarakat setempat.
- v. Kekurangan kemudahan fizikal dalam menjayakan amanah untuk mengurus dan mentadbir sekolah.
- vi. Mengurus dan memantau masalah salah laku disiplin yang serius di kalangan pelajar.

Merujuk kepada Program Jururunding Kepengetuaan anjuran bersama Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan bertujuan memanfaatkan kepakaran Pengetua Kanan supaya pengetua baru lebih berkeyakinan dan berketrampilan dalam mengurus sekolah. Perancangan untuk merealisasikan program ini dibuat pada akhir tahun 2003 dan pelaksanaannya bermula pada tahun 2004 mengikut zon. Sehingga akhir tahun 2004, sebanyak lapan Program Jururunding Kepengetuaan telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan 458 pengetua yang dilantik pada tahun 2003 dan 2004. Sembilan aspek pengurusan sekolah menjadi fokus perbincangan dan perkongsian program ini:-

- i. Pengurusan Organisasi
- ii. Pengurusan Pejabat
- iii. Pengurusan Kurikulum
- iv. Pengurusan Kewangan
- v. Pengurusan Ko-kurikulum





- vi. Pengurusan Hal Ehwal Murid
- vii. Pengurusan Sumber Manusia
- viii. Pengurusan Infrastruktur dan Fizikal
- ix. Pengurusan Hubungan Komuniti

(Panduan Pengurusan Sekolah, 2005)

Berdasarkan pernyataan di atas jelas menunjukkan terdapat sembilan bidang yang perlu dilaksanakan oleh pengetua di sekolah demi mencipta kecemerlangan dalam pendidikan sepertimana hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, jika pengetua menghadapi stres sudah pasti kesembilan bidang yang dinyatakan tadi sukar dilaksanakan dengan berkesan.

Sehubungan itu, menurut Suffean Hussin, “Profesionalisme yang jitu dalam sesuatu profesion mengalami proses turun-naik luntur dan sering kali menimbulkan konflik apabila adanya sikap ‘devians’ individu yang menyebabkan profesion mereka bertukar kepada tidak profesional”. Walaupun kita mungkin bersetuju bahawa proses “turun-naik” dan “kelunturan” profesionalisme sering menimbulkan konflik tetapi tentunya kurang adil jika menyalahkan guru kerana semata-mata kurang daya tahan menangani masalah berkaitan punca-punca stres/tekanan yang menghakis profesionalisme tersebut sering dilupakan. Satu persoalan penting disini yang harus direnungi ialah: Adakah guru / pengetua dipersiapkan secukupnya untuk menghadapi dan menangani stres dalam profesionnya? Menurut Chan (1997), pekerja yang dilanda stres akan menjadi beban yang perlu ditanggung oleh sesebuah organisasi. Bahkan stres juga diketahui menjadi punca ketidakpuasan dalam kerja, ponteng dan moral serta kemampuan bekerja yang merosot (Spielberg dan Reneiser 1994 dalam Mc Cormick





1997). Seterusnya Allisson (1997), menyatakan seperti berikut keperluan untuk menangani stres:-

"Since stress cannot be avoided, identification of effective coping strategies may provide school administrators with tools which can be used to reduce the amount of stress from the environment and to moderate the effect of stress on the individual".

Menurut Quek Pek Hua (1997), adalah menjadi keperluan kepada pekerja yang dilanda stres untuk mengambil langkah-langkah menanganinya. Tambahnya lagi, dengan melakukan tindakan yang betul seperti kesedaran dan memahami teknik menangani stres maka pengurus sekolah iaitu pengetua atau guru besar akan dapat memimpin dan menjalankan tugas dengan berkesan.

Kesimpulannya, dapatlah dinyatakan disini bahawa pengurusan dan pentadbiran sekolah memerlukan perancangan, penyediaan, pelaksanaan dan penilaian. Pengetua perlu memastikan hubungannya dengan guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat berjalan seperti yang diharapkan agar pendidikan berlangsung dengan jayanya. Pengetua juga harus sedar bahawa deretan senarai tanggungjawabnya perlu dilaksanakan dalam dunia pendidikan di sekolah. Di antara tanggungjawab pengetua seperti menetapkan matlamat sekolah, pengurusan sumber fizikal, merancang, mengawal, pengagihan tugas, motivasi, perkembangan staf, kewangan, penglibatan komuniti, aktiviti ko-kurikulum, perkhidmatan kepakaran dan sebagainya. Oleh itu, dengan banyaknya tanggungjawab seorang pengetua maka sedikit sebanyak akan memberi kesan stres atau tekanan psikologi semasa menjalankan tugas di sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia perlulah memikirkan secara serius untuk memasukkan kursus pengurusan stres dalam sukatan pendidikan perguruan di maktab-maktab perguruan dan universiti di negara ini.





1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan dapatan kajian oleh kebanyakan pengkaji dan pengalaman sendiri telah membuktikan bahawa stres boleh mengurangkan keupayaan, keberkesanan dan motivasi bekerja serta kehidupan individu. Menurut Savery dan Detiuk (1986), stres atau tekanan pengurusan di sekolah akan mengurangkan keupayaan dan keberkesanan kepemimpinan seseorang pentadbir. Pengamatan dan pemahaman yang jelas mengenai stres amat penting kepada pengetua dan guru besar kerana ia akan memudahkan mereka memberi tumpuan kepada setiap punca atau faktor stres tersebut dengan mendalam dan akan lebih berupaya menanganinya.

Di sekolah pengetua seringkali menerima panggilan telefon, kehadiran ibu bapa dan penjaga, jurujual, lawatan pemantauan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran yang mana memerlukan masa untuk melayan kehendak mereka. Di samping itu pengetua juga harus mengambil tahu masalah subordinat dan pelajar sepanjang masa supaya apa yang di rancangkan di sekolah akan berjalan dengan lancar. Pengetua harus memantau semua peristiwa dan isu yang wujud dalam persekitaran sekolahnya. Bebanan tugas pengetua juga bertambah apabila sekolah tidak mempunyai kemudahan yang secukupnya seperti tidak cukup kerusi meja dan sebagainya, situasi sebegini pasti akan memberi stres dan tekanan kepada pengetua untuk mengatasinya. Sejak kebelakangan ini pihak atasan seperti Pejabat Pelajaran Daerah sentiasa memanggil pengetua untuk sesuatu mesyuarat dalam tempoh yang singkat bahkan dari pengalaman pengkaji kadangkala pengetua diminta hadir ke PPD hanya dengan panggilan telefon atau faks sahaja. Seterusnya, situasi kerja yang boleh mendatangkan stres apabila tiba masa pengetua membuat penilaian prestasi staf dan guru-guru. Jika pengetua tidak boleh tegas dan yakin dengan penilaiannya ini





boleh menimbulkan situasi yang tidak senang antara staf dengan pengetua. Jadi pengetua haruslah bijak mengemudi sekolah dalam pelbagai keadaan agar semua perancangan terlaksana seperti dirancang.

Menurut Donald G.Allison (2005) pengetua terpaksa menghadapi kerja harian yang tidak dapat dijangkakan serta menghadapi kecaman, tidak dihargai, melakukan perubahan dan bertambahnya konflik dalam dunia pendidikan. Menurut Kementerian Pelajaran (1993), kajiannya melaporkan bahawa 1,119 guru mengalami penyakit neurotik dan 169 adalah psikotik daripada sejumlah 5,394 orang guru yang dikaji.

Pengetua sebagai ketua jabatan adalah bertanggungjawab memimpin guru-guru dan kakitangan untuk mencapai hasrat unggul negara iaitu manjayakan Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020. Oleh itu, adalah didapati tanggungjawab seorang pengetua adalah berat. Pengetua sentiasa dituntut menghasilkan lepasan sekolah yang terpuji dalam sahsiah, kurikulum dan kokurikulum. Kegagalan sesebuah sekolah dalam salah satu bidang tersebut akan mendatangkan komen dan kritikan masyarakat dan juga Kementerian Pelajaran. Maka pengkaji merasakan stress / tekanan kerja sememangnya wujud di kalangan pengetua samada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Menurut, Nazirmuddin dan Jamal @ Nordin (2004) menyatakan bahawa tugas dan tanggungjawab seorang guru besar / pengetua sangatlah berat, bukan sahaja terlibat secara langsung dalam memastikan kurikulum dan ko-kurikulum dilaksanakan secara berkesan, menjadi pemimpin instruksional, menjadi ketua di sekolah yang terkedepan dalam semua hal.

Kementerian Pelajaran telah melancarkan program pembestarian sekolah-sekolah di seluruh Negara. Mengikut cadangan pada tahun 2010 semua sekolah di Malaysia telah menjadi sekolah bestari yakni pengajaran dan pembelajaran serta kerja pengurusan di





pejabat adalah berasaskan elektronik khususnya komputer. Wawasan sekolah bestari adalah pada masa akan datang semua rekod dapat diakses dalam bentuk elektronik dari mana-mana saja di dunia. Bagi menjayakan program ini, guru-guru akan dipanggil menghadiri kursus bestari mata pelajaran di Pusat Sumber Pendidikan Negeri dan Maktab Perguruan di seluruh negara dan sedang berjalan sekarang ini. Jadi, dasar pembestarian sekolah telah menambahkan beban tanggungjawab pengetua supaya dasar ini berjalan dengan baik. Kesukaran boleh berlaku jika sesebuah sekolah tidak lengkap dengan makmal komputer dan infrastruktur lain seperti bangunan yang telah uzur yang tidak sesuai dan selamat untuk meletak alat-alat komputer. Bahkan kebelakangan ini terdapat kes kecurian komputer riba disekolah-sekolah di seluruh negara.

Kebelakangan ini terdapat tindak-tanduk pengetua dan guru besar yang menggambarkan situasi kerja itu telah mempengaruhi mereka melakukan perkara yang menunjukkan bahawa mereka dilanda masalah stres. Misalnya, pada awal tahun 2000 telah berlaku satu kes dimana seorang guru besar telah menghumban komputer dari tingkat satu bangunan pejabat sekolah. Kejadian ini berlaku di Johor. Kemudian dalam tahun 2005, seorang guru besar sekolah kebangsaan Tamil di Hilir Perak telah merotan seorang guru di sekolah tersebut atas sebab tertentu. Jadi, berdasarkan kedua-dua kes tersebut menggambarkan bahawa pengetua dan guru besar juga boleh melakukan tindakan yang tidak normal sebagai seorang pemimpin pendidikan di sekolah. Ini menunjukkan gejala stres telah berlaku terhadap dua orang guru besar tersebut dan pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri sewajarnya memantau gejala stres dan mengadakan program yang dapat membendungnya daripada merebak sehingga mewujudkan 'burnout'.





Seterusnya, pengetua sering berhadapan masalah salah laku disiplin oleh pelajar di sekolah. Misalnya, pada tahun 2003 terdapat beberapa kes buli berlaku disekolah-sekolah berasrama dan akibatnya pengetua perlu memantau dan mengatasi kes-kes disiplin. Terdapat kes-kes buli yang telah menyebabkan kematian kepada mangsa buli itu. Akibatnya, Kementerian Pelajaran telah mengarahkan pihak sekolah mengisi borang sahiah pelajar dan bertambahlah lagi tanggungjawab pengetua. Seterusnya, pengetua juga menghadapi tekanan daripada pihak atasan apabila sesuatu kes disiplin berlaku dalam sekolah. Walaupun, bidang-bidang tugas pengetua boleh diagihkan kepada penolong-penolong kanan, penyelia petang dan guru-guru kanan, namun pengetua masih bertanggungjawab secara mutlak terhadap apa sahaja yang berlaku di sekolah.

Kesimpulannya, tanggungjawab pengetua yang banyak, rencam dan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa telah mewujudkan situasi kearah berlakunya stres. Pengetua perlu mengetahui cara-cara bertindakbalas terhadap stres. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh situasi kerja mempengaruhi stres di kalangan pengetua dan cara-cara menangani / bertindakbalas.

1.3 Objektif Umum Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki pengaruh situasi kerja terhadap stres pengetua dan bagaimana mereka menangani / bertindak balas terhadap stres di kalangan pengetua di sekolah-sekolah di Daerah Kuala Kangsar, Perak.





1.4 Objektif Khusus

1.4.1 Untuk mengenalpasti sejauhmana pengaruh situasi kerja memberi kesan terhadap tahap stres yang di alami pengetua di daerah Kuala Kangsar, Perak

1.4.2 Untuk mengenalpasti kedudukan keutamaan strategi menangani stres di kalangan pengetua

1.4.3 Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres dikalangan pengetua lelaki dan pengetua perempuan

1.4.4 Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres dikalangan pengetua yang berkhidmat di bandar dan luar bandar

1.4.5 Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres pengetua mengikut bangsa.

1.5 Soalan kajian

Beberapa soalan kajian yang relevan dan akan terjawab dalam kajian ini adalah:-

1. Sejauh manakah pengaruh situasi kerja memberi kesan terhadap tahap stres yang dialami oleh pengetua-pengetua di daerah Kuala Kangsar, Perak?





2. Bagaimanakah kedudukan keutamaan faktor CPS (Coping Preference Scale) di kalangan pengetua di Daerah Kuala Kangsar?
3. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam pengaruh situasi kerja terhadap stres di kalangan pengetua berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bangsa ?
4. Adakah wujud perbezaan tahap stres yang signifikan di kalangan berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bangsa ?
5. Adakah wujud perbezaan gerak balas yang signifikan di kalangan pengetua berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bangsa?



1.6 Hipotesis Kajian

Sebanyak sepuluh hipotesis kajian telah dibentuk bagi melihat perbandingan tahap stres dan gerak balas terhadap stres dengan beberapa subkumpulan demografi.

- H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara situasi kerja dengan tahap stres pengetua
- H2: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh situasi kerja terhadap stres di antara pengetua lelaki dengan pengetua perempuan
- H3: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh situasi kerja terhadap stres di antara pengetua yang bertugas di bandar dengan luar bandar





H4: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh situasi kerja terhadap stres di antara pengetua Melayu, Cina dan India

H5: Terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua lelaki dengan pengetua perempuan

H6: Terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua yang bertugas di bandar dengan luar bandar

H7: Terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua Melayu, Cina dan India

H8: Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam gerak balas terhadap stres di antara pengetua lelaki dengan pengetua perempuan



H9: Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam gerak balas terhadap stres di antara pengetua bandar dengan luar bandar

H10: Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam gerak balas terhadap stres di antara pengetua Melayu, Cina dan India

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang menyeluruh dan terancang mengenai stres di kalangan pengetua adalah mustahak dan perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengumpul maklumat, data dan maklumbalas yang terkini. Dapatan kajian boleh dijadikan panduan kepada pihak





berkenaan untuk meningkatkan tahap profesionalisma pengetua serta mengharungi zaman yang semakin mencabar dan pengaruh globalisasi dunia kebelakangan ini. Menurut Greenberg (1990), strategi pengurusan stres yang berkesan dalam pentadbiran pendidikan memerlukan setiap anggotanya menangani punca stres secara bersepadu, selain daripada bertindak mengikut kaedah mekanisma mengurus dan mengawal stres secara yang teratur, manakala Borg dan Riding (1993), menyatakan bahawa kajian mengenai stres di kalangan pentadbir sekolah perlu dilakukan agar pemahaman yang lebih jelas diperolehi mengenai punca stres dalam pendidikan. Kefahaman tentang punca-punca stres dan kaedah menanganinya di kalangan pengetua akan dapat membantu individu atau pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran dalam merangka strategi dan mekanisma pengawalan stres yang mantap.

Kajian yang dijalankan diharapkan dapat menyumbang kesedaran yang lebih jelas mengenai stres dan kaedah menanganinya di kalangan pengetua. Pengetua dan guru besar dapat menggunakan hasil / dapatan kajian ini untuk menyediakan diri dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dan relevan untuk menangani atau mengatasi stres yang mereka alami sebelum sampai ke peringkat yang kritikal atau 'burnout'. Oleh itu, penelitian terhadap tahap stres dan kepelbagaian faktor stres boleh dijadikan panduan dan pedoman ke arah kepemimpinan sekolah yang berkesan dan berjaya.

Dapatan kajian ini jika dapat dibuat generalisasi, pastinya dapat membantu institusi yang terlibat dengan program latihan kepengetuaan dan pengurusan sekolah seperti di Institut Aminuddin Baki, Universiti-Universiti, Bahagian Pendidikan Guru dan Maktab Perguruan.





1.8 Batasan Kajian

1.8.1 Kajian ini melibatkan responden iaitu semua pengetua di daerah Kuala Kangsar, Perak. Rasional pemilihan lokasi kajian ini kerana pengkaji sedang berkhidmat di sebuah sekolah di daerah tersebut. Maka dapatan kajian ini nanti difikirkan sesuai untuk digunakan sebagai panduan.

1.8.2 Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik yang dipetik dan diubahsuai daripada Administrative Stress Index (ASI) dan Coping Preference Scale (CPS) oleh Gmelch dan Swent.

1.8.3 Kajian ini, hanya memberi tumpuan kepada pengaruh situasi kerja terhadap stres, stressor dominan dan kaedah menangani / tidak balas terhadap stres. Kajian hanya memfokuskan kepada tiga faktor demografi iaitu jantina, bangsa dan lokasi kerana lebih sesuai untuk membuat perbandingan.

1.8.4 Masa selama tujuh hari diberikan kepada pengetua untuk mengisi borang soal selidik dan mengembalikan semula kepada pengkaji.

1.9 Definisi Operasional

Stres

Stres mempunyai pelbagai pengertian dan untuk kajian ini, stres di maksudkan sebagai hasil dorongan dan gerak balas individu terhadap pelbagai punca rangsangan (stressor) dan suasana yang berupaya mempengaruhi tingkahlaku,





keadaan fizikal, fisiologikal dan psikologikal mereka (samada positif atau negatif).

Pengetua

Menurut Kementerian Pendidikan (1986), menyatakan pengetua adalah ketua pentadbiran dan professional. Peranan pengetua termasuklah mengurus pentadbiran am sekolah, menyelia pelaksanaan kurikulum, menyelia pendidikan tambahan dan khidmat bantu, menyelia dan memajukan kegiatan kokurikulum, memberi pimpinan professional kepada semua guru dan memupuk kerjasama di antara sekolah dengan masyarakat.

Kamus Oxford English (1989), menyatakan pengetua dengan ketua (chief) dan kepemimpinan (leadership) yang mempunyai status dan autoriti, manakala Kamus Dewan (1984), mendefinisikan pengetua sebagai guru yang mengetuai sesebuah sekolah. Menurut Ramaiah (1992), konsep jawatan pengetua sebagai pentadbir sekolah sudah berubah dan sekolah tidak boleh dikaitkan dengan personaliti pengetua lagi. Tugas pengetua sekarang semakin bertambah kompleks, sukar dan sentiasa berubah. Malahan menurutnya lagi, dalam beberapa kajian di Amerika, Eropah dan Australia didapati peranan pengetua telah berubah dan masih terus berubah kerana pengaruh sosioekonomi dan politik. Perubahan-perubahan ini yang menyebabkan pengetua dalam dilemma. Ini kerana peranan dimainkan oleh majoriti pengetua sebagai pentadbir atau pengurus bercanggahan dengan peranan profesionalnya sebagai pendidik. Dengan keadaan sedemikian





tidak dapat dinafikan stres atau tekanan pasti melanda diri pengetua mengikut situasi yang tertentu.

Pengaruh

Menurut Parson (1990), pengaruh merupakan satu faktor yang boleh memberi kesan ke atas pembentukan tingkahlaku dan persepsi individu dengan bertindak secara langsung terhadap nilai dan kepercayaan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Situasi

Kamus Dewan menyatakan situasi membawa maksud keadaan atau sesuatu tempat yang dapat mempengaruhi keadaan.



ASI - Administration Stress Index

CPS - Coping Preference Scale

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

